



Agensi Kelayakan Malaysia  
Malaysian Qualifications Agency

Promoting Seamless Cross Border Education



Our People, Our Community, Our Vision  
Malaysia 2015

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
(Chief Executive Officer)  
**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**  
(Malaysian Qualifications Agency)  
Tingkat 14 B, Menara PKNS-PJ  
No. 17, Jalan Yong Shook Lin  
46050 Petaling Jaya  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Tel: 603-7968 7002  
Faks: 603-7956 9496  
Laman web: [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)

Ruj. Kami : MQA. 100 – 1/7/2 (11)  
Tarikh : 17 Jun 2015

**KEPADA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

Tuan/Puan,

**SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 2/2015 - PANDUAN PENGGUNAAN ISTILAH PEMERIKSA LUAR (EXTERNAL EXAMINER), PENASIHAT LUAR (EXTERNAL ADVISOR) DAN LEMBAGA PENASIHAT (ADVISORY BOARD)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) telah membangunkan Panduan Penggunaan Istilah Pemeriksa Luar (*External Examiner*), Penasihat Luar (*External Advisor*) dan Lembaga Penasihat (*Advisory Board*) bagi memberi panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam menggunakan istilah yang sesuai seperti yang dinyatakan di dalam Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*). Panduan yang dinyatakan boleh dimuat turun di portal MQA (<http://www.mqa.gov.my>).

3. Selaras dengan makluman ini, MQA memohon agar semua PPT dapat memberi perhatian terhadap perkara ini dan bekerjasama dalam memastikan kualiti program ditawarkan sentiasa terjamin.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang ikhlas,

**(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-7968 7044  
No. Faks : 03-7954 7125  
E-mel : [mrujhan@mqa.gov.my](mailto:mrujhan@mqa.gov.my)

# PANDUAN PENGGUNAAN ISTILAH PEMERIKSA LUAR (*EXTERNAL EXAMINER*), PENASIHAT LUAR (*EXTERNAL ADVISOR*) DAN LEMBAGA PENASIHAT (*ADVISORY BOARD*)

---

## 1.0 PENDAHULUAN

1.1 Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA) telah menjelaskan penglibatan penilai/pemeriksa luar (*external examiner*) dalam proses penyemakan dan penilaian program bagi Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang menawarkan program peringkat ijazah sarjana muda dan ke atas (Tahap 6 dan ke atas, MQF).

1.2 Perkara ini dinyatakan di dalam Bidang 2: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum di perkara 2.4.1 COPPA seperti berikut:

*“Program, khususnya kandungan dan penyampaiannya, wajib kerap disemak dan dinilai semula dan segala hasil semakan ini digunakan untuk menjamin kualiti. (Pada tahap 6 dan ke atas MQF, penyemakan ini perlu melibatkan penilai luar).”*

1.3 Penggunaan istilah penilai/pemeriksa luar (*external examiner*) juga dinyatakan di dalam dokumen *Guideline to Good Practices: Monitoring, Reviewing and Continually Improving Institutional Quality* (GGP: MR & CIIQ).

1.4 Namun begitu, terdapat PPT yang menggunakan istilah penilai luar (*external assessors*) atau istilah lain yang sebenarnya merujuk kepada pemeriksa luar (*external examiner*) seperti yang dinyatakan di dalam dokumen COPPA. Perkara ini telah menimbulkan kekeliruan dalam penggunaan istilah yang betul dan secara tidak langsung menjejaskan pemahaman akan kriteria yang sepatutnya bagi jawatan-jawatan yang telah dilantik.

## 2.0 DAPATAN UMUM

Dapatan umum berkenaan penggunaan istilah Penilai/Pemeriksa Luar (*External Examiner*), Penasihat Luar (*External Advisor*) dan Lembaga Penasihat (*Advisory Board*) adalah seperti berikut:

2.1 **Kriteria** penilai/pemeriksa luar (*external examiner*), penasihat luar (*external advisor*) dan lembaga penasihat (*advisory board*) mempunyai

kriteria yang sama iaitu merujuk kepada individu luar yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang berkaitan serta tidak mempunyai kepentingan secara langsung dengan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang melantik (*no conflict of interest*). Walau bagaimanapun, penasihat luar (*external advisor*) boleh mempunyai ikatan secara tidak langsung dengan PPT yang melantik kerana peranan penasihat luar (*external advisor*) bertindak sebagai penasihat dalam menambah baik sesebuah program. Manakala lembaga penasihat (*advisory board*) adalah merujuk kepada individu yang memegang kedudukan yang tinggi dan dihormati di peringkat institusi/industri ataupun organisasi yang berkaitan.

- 2.2 **Tahap penglibatan** bagi ketiga-tiga jawatan adalah berlainan walaupun tanggungjawab penilai/pemeriksa luar (*external examiner*) ada kalanya sama dengan fungsi penasihat luar (*external advisor*).
- 2.3 Penilai/Pemeriksa luar (*external examiner*) mempunyai **tanggungjawab** yang lebih khusus bagi memastikan PPT mengekalkan standard pemarkahan dan peperiksaan yang telah ditetapkan bagi program atau kursus yang berkaitan. Mereka juga dilihat sebagai '*second marker*' dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan. Manakala penasihat luar (*external advisor*) pula berfungsi dalam memberikan cadangan penambahbaikan bagi program secara keseluruhannya.
- 2.4 Dalam pada itu, setiap PPT lazimnya mempunyai lembaga penasihat (*advisory board*) yang akan membantu mereka dalam membuat keputusan secara lebih menyeluruh. Fungsinya bergantung kepada tujuan pembentukan dan pelantikannya serta tertakluk kepada keperluan PPT. Contoh lembaga penasihat (*advisory board*) adalah *Industry Advisory Board*, *Academic Board*, lembaga penasihat di peringkat institusi/fakulti dan lain-lain.

### 3.0 PANDUAN ASAS PENGGUNAAN ISTILAH

- 3.1 Panduan penggunaan istilah bagi penilai/pemeriksa luar (*external examiner*), penasihat luar (*external advisor*) dan lembaga penasihat (*advisory board*) boleh dirujuk di **Lampiran A**.

**PANDUAN PENGGUNAAN ISTILAH PEMERIKSA LUAR (*EXTERNAL EXAMINER*), PENASIHAT LUAR (*EXTERNAL ADVISOR*) DAN LEMBAGA PENASIHAT (*ADVISORY BOARD*)**

<b>PERKARA</b>	<b>PENILAI/ PEMERIKSA LUAR* (<i>External Examiner</i>)</b>	<b>PENASIHAT LUAR (<i>External Advisor</i>)</b>	<b>LEMBAGA PENASIHAT (<i>Advisory Board</i>)</b>
<b>Kriteria</b>	<p>a. Individu luar PPT yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan/ atau pengalaman dalam bidang yang dilantik.</p> <p>b. Tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan PPT yang melantik mereka sebagai penilai/ pemeriksa luar (<i>No conflict of interest</i>).</p>	<p>a. Individu luar PPT yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan/ atau pengalaman dalam bidang yang dilantik.</p> <p>b. Individu boleh mempunyai ikatan secara tidak langsung dengan PPT yang melantik. Contohnya bekas tenaga pengajar atau alumni program yang berkaitan di PPT berkenaan.</p>	<p>a. Individu luar PPT.</p> <p>b. Mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan.</p> <p>c. Individu yang memegang jawatan tinggi dan dihormati dalam PPT, industri atau organisasi.</p> <p>(kriteria tertakluk kepada fungsi lembaga penasihat yang ditubuhkan oleh PPT)</p>
<b>Tahap Penglibatan</b>	Kursus/Program	Program	PPT/ Jabatan/ Fakulti
<b>Peranan</b>	Memastikan PPT mengamalkan/ memenuhi/ mengekalkan/ mencapai standard akademik bagi kursus/kursus-kursus yang berkenaan berdasarkan standard	Lazimnya memberikan cadangan dan pandangan di peringkat awal berkenaan kesesuaian reka bentuk program dan semasa semakan semula program.	Antara peranan Lembaga Penasihat adalah seperti berikut: a. Membantu membuat keputusan dan menentukan hala tuju PPT/ jabatan/ fakulti dan memastikan

PERKARA	PENILAI/ PEMERIKSA LUAR* ( <i>External Examiner</i> )	PENASIHAT LUAR ( <i>External Advisor</i> )	LEMBAGA PENASIHAT ( <i>Advisory Board</i> )
	yang telah ditetapkan.		<p>ia berada pada landasan yang betul.</p> <p>b. Menyediakan hubungan luar dan meningkatkan komunikasi antara pihak PPT dengan pihak berkepentingan. (Contohnya, kebolehpasaran graduan dan peluang penyelidikan).</p>
<b>Tanggungjawab</b>	<p>a. Menyemak/ memeriksa kerja kursus, projek, kertas soalan dan kertas jawapan peperiksaan pelajar.</p> <p>b. Menyemak/ memeriksa pemarkahan yang telah diberikan kepada pelajar adalah bersesuaian.</p> <p>c. Menyediakan laporan penilaian dan dihantar kepada Naib Canselor/ Pengurusan Tertinggi PPT sama ada program/ kursus yang terlibat dijalankan mengikut ketetapan standard yang telah ditetapkan. Kebiasaannya dokumen adalah SULIT.</p> <p>d. Memberi cadangan/ pandangan</p>	<p>a. Memberikan input dan pandangan terhadap kesesuaian reka bentuk program untuk penambahbaikan sebelum persetujuan di peringkat fakulti.</p> <p>b. Laporan dihantar kepada Ketua Program.</p>	<p>Memberi nasihat berkenaan projek, keputusan berkaitan undang-undang, kewangan dan lain-lain yang berkaitan.</p> <p>(tertakluk kepada fungsi lembaga penasihat yang ditubuhkan oleh PPT)</p>

<b>PERKARA</b>	<b>PENILAI/ PEMERIKSA LUAR* (External Examiner)</b>	<b>PENASIHAT LUAR (External Advisor)</b>	<b>LEMBAGA PENASIHAT (Advisory Board)</b>
	terhadap kurikulum program (jika perlu).		
<b>Skop Penglibatan</b>	a. Sebelum dan selepas peperiksaan akhir.	Peringkat awal pembangunan program dan semakan semula program.	Memberi tumpuan kepada hala tuju strategik yang lebih luas kepada PPT/ jabatan/ fakulti.
<b>Pelantikan</b>	a. Dicapangkan oleh Fakulti. b. Dilantik dan diluluskan oleh Naib Canselor/ Pengurusan Tertinggi PPT.	a. Dicapangkan oleh Ketua Program. b. Dilantik dan diluluskan oleh Fakulti.	Dilantik oleh Pengurusan Tertinggi PPT/ jabatan/ fakulti.  (tertakluk kepada fungsi lembaga penasihat yang ditubuhkan oleh PPT)

**Catatan:**

- \* Merujuk kepada dokumen Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA), ketetapan berkenaan dengan penglibatan penilai/ pemeriksa luar (*external examiner*) dalam proses penyemakan dan penilaian program bagi PPT yang menawarkan program peringkat ijazah sarjana muda dan ke atas (Tahap 6 dan ke atas, MQF) telah dinyatakan.
- \* Perkara ini dinyatakan di dalam Bidang 2: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum di perkara 2.4.1 (halaman 20) iaitu “Program, khususnya kandungan dan penyampaiannya, wajib kerap disemak dan dinilai semula dan segala hasil semakan ini digunakan untuk menjamin kualiti. (Pada tahap 6 dan ke atas MQF, penyemakan ini perlu melibatkan penilai orang luar).”